# LAPORAN TAHUNAN 2022

JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH



# Isi Kandungan

muka surat

02 Pendahuluan

03 Sejarah
Penubuhan Jabatan Perhutanan

04 Ringkasan Eksekutif
Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Kedah Darul Aman Tahun 2016 - 2025

09 Perspektif Jabatan
- Wawasan
- Misi
- Objektif
- Strategi Korporat
- Fungsi Jabatan
- Piagam Pelanggan

15 Bahagian Pentadbiran
- Perutusan Pengarah Perhutanan Negeri Kedah
- Carta Organisasi
- Seksyen dan Pejabat Hutan
- Fungsi Jabatan dan Unit Khas

61 Perlembagaan, Dasar dan Undang-Undang Tahun 2022

71 Peristiwa dalam Tahun 2022

85 Keratan Akhbar 2022

89 Lampiran 2022

109 Laporan Prestasi Kewangan 2022

## JAWATANKUASA EDITORIAL PENYEDIAAN LAPORAN TAHUNAN 2022

**PENASIHAT**
Muhamad Bin Abdullah, AMK., AMP.

**PENAUNG**
En. Zainuddin Bin Jamaluddin

**PENGERUSI**
Mohd Asri Bin Yussof, AMK.

**SETIAUSAHA**
Nurliyana Aqilah Binti Asri

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

En. Harman Bin Baharudin
En. Fadlilah Amirullah Bin Mohamad
En. Nor Shahrini Bin Nordin Ahmad
Cik Affeefah Amanee Binti Che Ahamed
En. Ismail Bin Zakaria
En. Rajihan Bin Rahim
Puan Nurul Hana Bin Mohd Sayuti
En. Mohd Mustakim Bin Semail
En. Muhamad Firdaus Zulnaim Bin Johari
En. Muhammad Said Bin Abd Hakim
En. Muhammad Firdaus Bin Ali Mahsen
Rahimah Binti Abdul Rahim

**PENGHARGAAN**

Wakil-wakil Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, Pejabat Hutan Daerah Kedah Utara, Pejabat Hutan Daerah Kedah Tengah, Pejabat Hutan Daerah Kedah Selatan dan Pejabat Hutan Daerah Kedah Barat (Langkawi)



# Pendahuluan

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai struktur hutan tertua di dunia yang diliputi dengan Hutan Hujan Tropika dan merupakan salah satu ekosistem yang sangat kompleks. Ianya juga satu warisan alam semula jadi ciptaan Allah Yang Maha Esa yang amat unik dan telah wujud lebih dari berjuta-juta tahun.

Hutan kita amat kaya dengan berbagai-bagai tumbuhan dan hidupan liar, di antaranya termasuklah 2,500 spesies pokok, 200 spesies mamalia, 600 spesies burung, 110 spesies ular, 80 spesies cicak dan beribu-ribu spesies serangga.

Dianggarkan sejumlah 890 daripada 2,500 spesies pokok tersebut boleh mencapai saiz yang boleh diusahasil iaitu 45 sentimeter diameter paras dada. Sejumlah 408 spesies kayu telah diperkenalkan dan diiktirafkan di pasaran antarabangsa.

Hutan memainkan peranan penting dalam menstabilkan iklim, cuaca dan suhu di muka bumi. Hutan juga berperanan memberi perlindungan dan kestabilan alam sekitar dengan mengawal kerosakan kepada sungai dan tanah pertanian, mengawal hakisan dan banjir, serta memelihara sumber bekalan air. Hutan juga merupakan tempat perlindungan hidupan liar selain bertindak sebagai gedung simpanan sumber genetik.

Paling penting, hutan juga mempunyai pendapatan utama kepada pembangunan sosio-ekonomi negara dengan perkembangan kemajuan industri berasaskan kayu dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat yang dikasihi.





# Sejarah

## Penubuhan Jabatan Perhutanan

Organisasi Jabatan Perhutanan bermula dengan penubuhan Jabatan Hutan di bawah Pejabat Tanah Negeri-Negeri Selat pada awal tahun 1880-an. Organisasi ini kemudiannya berkembang dengan penubuhan Jabatan Perhutanan di setiap Negeri Melayu Bersekutu dan juga Negeri Melayu Tidak Bersekutu. Sejurus selepas penubuhan Jabatan Hutan pada tahun 1901, setiap Negeri Melayu bersekutu ditempatkan seorang Timbalan Pemelihara Hutan dan lanjutan dari itu, Jabatan Perhutanan mula berkembang melalui penubuhan beberapa buah Jabatan Perhutanan Negeri. Selepas penubuhan tersebut, organisasi Jabatan menjadi lebih tersusun dengan dua (2) peringkat pentadbiran iaitu Ibu Pejabat Perhutanan di peringkat Persekutuan dan Jabatan Perhutanan Negeri di peringkat Negeri.

Pada tahun 1926, perkhidmatan perhutanan telah bertukar corak kepada Perkhidmatan Perhutanan Malaya di mana ianya telah meliputi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Melalui pengisytiharan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 01 Februari 1948, pentadbiran Jabatan Perhutanan terus mengalami perubahan di mana berlaku penyerahan kuasa pentadbiran dari Ketua-Ketua Jabatan Perhutanan kepada Ketua Negeri berkenaan.

Disamping berperanan mengawal kawasan hutan simpan dan mengutip hasil hutan, Jabatan Perhutanan telah menjadi agensi yang amat penting dan berkembang maju.

Sektor perhutanan terus menyumbang kepada kemajuan dan perkembangan sosio-ekonomi negara. Sepanjang 100 tahun penubuhannya, telah berlaku banyak perubahan kepada sistem pengurusan hutan, pentadbiran, perundangan dasar perhutanan dan banyak lagi yang telah mencerminkan senario perkembangan sektor perhutanan di negara ini. Perkembangan tersebut adalah seiring dengan kepesatan dan kemajuan yang dicapai oleh negara.

Di samping itu, peranan perkhidmatan perhutanan untuk memberi kesejahteraan hidup rakyat telah banyak mempengaruhi dasar-dasar dan strategi pembangunan negara khususnya selepas negara mencapai kemerdekaan. Kejayaan demi kejayaan yang dicapai menerusi sektor perhutanan telah menjana kemajuan dan kesejahteraan rakyat di negara ini.

Oleh itu, sempena ulang tahun ke-100 penubuhan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (1901-2001) segala sejarah perkembangan dan kemajuan perhutanan dapat disingkap kembali. Justeru itu, masyarakat akan sedar bahawa peranan dan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia adalah untuk kepentingan negara jua. Selaras dengan sambutan ulang tahun ini, tema Warisan Hutan Kekal Berzaman turut digunakan dalam mengambil kira latar belakang, peranan dan cabaran yang telah dan akan dihadapi oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia selaras dengan wawasan jabatan untuk diiktiraf sebagai sebuah agensi terunggul dalam pengurusan Hutan Tropika secara berkekalan.

# Ringkasan Eksekutif

## Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Kedah Darul Aman Tahun 2016 - 2025

### 1.0 Pendahuluan

Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Kedah 2016-2025 dihasilkan berdasarkan kepada piawaian yang digariskan di dalam dokumen Panduan Penyediaan Rancangan Pengurusan Hutan Bagi Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Ia adalah selaras dengan keperluan untuk memelihara, memulihara dan mengurus sumber hutan secara berkekalan seperti dinyatakan di dalam Akta 313 Akta Perhutanan Negara (1984). Seksyen 2 Akta tersebut jelas menyatakan bahawa Rancangan Pengurusan Hutan adalah "ertinya sesuatu rancangan kendalian yang berhubung dengan aktiviti atau program silvikultur, ekonomi atau pemuliharaan yang ditetapkan bagi sesuatu Hutan Simpanan kekal (HSK) tertentu atau sebahagian daripadanya untuk memastikan pengambilan, penanaman semula dan pemuliharaan pokok- pokok dengan teratur mengikut prinsip perolehan berkekalan".

### 1.1 Objektif

RPH Kedah 2016-2025 ini telah menggariskan pemeliharaan dan pengurusan hutan secara berkekalan sebagai objektif amnya, selari dengan objektif Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) serta memastikan peranan dan kepentingan hutan dari segi sosio-ekonomi, kepelbagaian biologi dan pemuliharaan serta kestabilan alam sekitar sentiasa diberikan perhatian. Bagi tujuan tersebut, sebanyak lapan objektif khusus telah disasarkan di dalam tempoh pelaksanaan RPH Kedah 2016-2025 ini, iaitu:-

1. Untuk menguruskan sumber hutan negeri secara berkekalan bagi pengeluaran berterusan hasil dan perkhidmatan hutan serta penggunaannya secara optimum bersesuaian dengan keperluan alam sekitar,

2. Untuk meningkatkan bekalan pengeluaran hasil dan perkhidmatan hutan melalui aktiviti-aktiviti perhutanan bersesuaian yang akan meningkatkan kualiti, produktiviti serta penggunaan sumber hutan,

3. Untuk terus membangunkan teknologi mantap yang bersesuaian dengan keperluan alam sekitar bagi pemeliharaan, pengurusan dan penggunaan sumber hutan,

4. Untuk memelihara dan melindungi kepelbagaian biologi hutan, air serta tanah dan penggunaannya secara berkekalan,

5. Untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan kilang-kilang pemprosesan berasaskan keluaran hutan serta menambahkan aktiviti-aktiviti hiliran dengan nilai tambah yang tinggi,

6. Untuk memperkukuhkan pembangunan sumber manusia bagi menyokong sektor perhutanan,

7. Untuk meningkatkan kesedaran awam berhubung peranan hutan terhadap alam sekitar dan pemeliharaan melalui pembelajaran serta penyebaran maklumat, dan
8. Untuk meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada pendapatan negeri, pertukaran wang asing dan peluang-peluang pekerjaan.

## 2.0 Sumber Hutan

Negeri Kedah dengan keluasan kawasan negeri berjumlah 946,616.36 ha merupakan sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia yang turut dikenali sebagai Negeri Jelapang Padi.

HSK memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan kestabilan alam sekitar dan perlindungan kepada kepelbagaian hayat. Disamping itu, ianya juga berperanan sebagai punca utama sumber air untuk pertanian, industri dan kegunaan domestik.

Dari segi sosio-ekonomi, HSK menyumbang kepada bekalan bahan mentah untuk industri berasaskan kayu, mewujudkan peluang pekerjaan, hasil kepada kerajaan negeri dan juga bagi memenuhi keperluan masyarakat umum seperti kawasan istirehat, pelancongan dan sebagainya.

### Maklumat Sumber Hutan Sehingga 31 Disember 2022

| Negeri | Suku Tahun | Keluasan Negeri | Hutan Simpanan Kekal (HSK) | | Hutan Taman Hidupan Liar | | | | Hutan Taman Negeri | | Hutan Tanah Kerajaan | Lain-lain Rezab Berhutan | Jumlah Besar Keluasan | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Diwarta | Cadangan | Rizab Hidupan Liar | | Taman Negara | | | | | | Berhutan | % | Tidak Berhutan | % |
| | | | | | Luar HSK | Dalam HSK | Luar HSK | Dalam HSK | Luar HSK | Dalam HSK | | | | | | |
| | | (ha) | (ha) | (ha) | (ha) | (ha) | (ha) | (ha) | (ha) | (ha) | (ha) | (ha) | (ha) | | (ha) | |
| | | (a) | (b) | (c) | (d) | (e) | (f) | (g) | (h) | (i) | (j) | (k) | (l)=((b)+(c)+(d)+(f)+(h)+(j)+(k)) | | (m)=(a)-(l) | |
| Kedah | 31.12.2021 | 946,616.36 | 341,880.88 | 2,514.00 | - | - | - | - | - | 61,087.00 | 455.14 | - | 344,850.02 | 36.43 | 601,766.34 | 63.57 |
| | 31.12.2022 | 946,616.36 | 344,175.26 | - | - | - | - | - | - | 61,087.00 | 455.14 | - | 344,630.40 | 36.41 | 601,985.96 | 63.59 |
| | Perbezaan | - | 2,294.38 | (2,514.00) | - | - | - | - | - | - | - | - | (219.62) | (0.02) | 219.62 | 0.02 |

*Rizab Hidupan Liar adalah rizab di bawah penyeliaan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)/Jabatan Perhutanan Negeri*
*Taman Negara adalah di bawah penyeliaan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)*
*Taman Negeri adalah di bawah penyeliaan Perbadanan Taman Negeri (Contoh: Taman Negeri Royal Belum)/Jabatan Perhutanan Negeri*
** pelaporan menggunakan data digital*

## 3.0 Sejarah Pengurusan

Pengurusan hutan di Negeri Kedah telah berkembang selaras dengan sistem pengurusan hutan yang diterima pakai di mana perubahan daripada Sistem Sebaya Malaysia (Malaya Uniform System -MUS) kepada Sistem Oengurusan Memilih (Selective Management System-SMS) telah berlaku pada sekitar awal tahun 1990-an. Perubahan sistem pengurusan hutan ini adalah bersesuaian dengan keperluan teknikal dan perubahan kawasan pengusahasilan dari hutan dipterokarpa pamah ke hutan dipterokarpa bukit.

## 4.0 Rancangan Pengurusan Hutan

Rancangan pengurusan hutan ini meliputi tempoh 10 tahun (2016 – 2025) bagi kawasan hutan darat asli ini di dalam HSK. Rancangan pengurusan hutan yang khusus akan disediakan secara berasingan bagi kawasan hutan paya laut di dalam HSK.

### 4.1 Pengkelasan Hutan Mengikut Fungsi

Pengkelasan HSK dilakukan mengikut peruntukan Seksyen 10, Akta Perhutanan Negara 1984 supaya kawasan hutan dapat dizonkan bagi tujuan pengurusan. Pada amnya, pengkelasan ini terbahagi kepada hutan perlindungan 134,274.97 ha dan hutan pengeluaran 209,900.29 ha.

### 4.2 Perlindungan

Kawasan hutan perlindungan dalam HSK terdiri daripada Hutan perlindungan Tanah seluas 3,321 hektar, Hutan Tadahan Air seluas 110,49 hektar, Hutan Simpanan Hutan Dara seluas 5,212 hektar, Hutan Lipur seluas 950 hektar, Hutan Pelajaran seluas 966 hektar , Hutan Taman Negeri seluas 61,087 dan Hutan Penyelidikan seluas 966 hektar.

### 4.3 Pengeluaran dan Industri

Kawasan HSK seluas 209,900.29 hektar yang dikelaskan di bawah hutan pengeluaran di negeri Kedah akan dilaksanakan aktiviti pengusahasilan secara berkekalan mengikut sistem pengurusan hutan sedia ada, iaitu Sistem Tebangan Memilih (SMS) dengan pusingan tebangan selama 30 tahun bagi menjamin kelangsungan faedah hutan. Kaedah “Reduced Impact Logging” (RIL) akan digunapakai di dalam operasi pengusahasilan. Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang telah dikira bagi tempoh Rancangan Malaysia ke Sebelas ini adalah sejumlah 3,122 hektar setahun berbanding 2,850 hektar setahun dalam Rancangan Malaysia ke Sepuluh. Selaras dengan itu juga, pematuhan kepada keperluan pensijilan hutan, MC&I (Hutan Asli) serta panduan-panduan sedia ada akan dipatuhi. Tindakan pencegahan turut ditentukan dalam mengurangkan kesan kepada sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Sehingga akhir tahun 2019, terdapat 165 industri berasaskan kayu yang beroperasi di negeri Kedah yang boleh dibahagikan kepada sembilan jenis kilang iaitu kilang papan (27), kilang papan lapis/venir (8), loji tanur pengering (3), kilang perabot/pertukangan/tanggaman (110), kilang kayu kumai (1), kilang kerja kayu (12), kilang lantai parket (1), tanur arang (1), penyulingan kayu (1) dan lain-lain (keranda, badan lori). Secara puratanya, industri berasaskan kayu ini bakal menggunakan 237,000 m3 kayu balak / bahan mentah setahun.

### 4.4 Keperluan Masyarakat

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah juga dalam masa yang sama berhasrat membantu membangunkan sektor eko-pelancongan negeri. Di dalam tempoh RPH Kedah 2016-2025 ini, JPNK telah mengenalpasti kawasan berkaitan dengan ekopelancongan di HSK negeri Kedah sama ada kawasan yang sedang beroperasi atau di dalam peringkat perancangan iaitu sebanyak 19 Taman Eko Rimba, dua Hutan Pendidikan merangkap Hutan Penyelidikan serta cadangan satu Hutan Taman Negeri.

### 4.5 Publisiti dan Pengembangan Perhutanan

Publisiti dan Pengembangan perhutanan memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat perhutanan kepada masyarakat setempat. Dalam tempoh RPH ini, Jabatan merancang untuk menerbit dan mengedarkan maklumat-maklumat perhutanan,

mengadakan pameran dan menyampaikan ceramah kepada pelajar dan orang awam.

### 4.6 Penyelidikan dan Pembangunan

Kajian yang dijalankan lebih tertumpu kepada perkara-perkara yang mampu memberi keputusan yang boleh digunakan untuk meningkatkan tahap keberkesanan dalam mencapai matlamat pengurusan hutan secara berkekalan. Ianya dilaksanakan secara 'ad-hoc' oleh kakitangan Jabatan dengan kerjasama dan bantuan daripada institusi penyelidikan dan pusat pengajian tinggi.

### 4.7 Infrastruktur

Kemudahan infrastruktur akan ditambah untuk mempertingkatkan kecekapan pentadbiran dan pengurusan hutan di Negeri Kedah. Bagi tujuan ini, penyelenggaraan akan dilaksanakan ke atas jalan-jalan hutan dan bangunan, di samping membina bangunan baru serta perolehan kenderaan dan peralatan kerja.

### 4.8 Pentadbiran dan Kewangan

Dalam memastikan JPNK dapat menjalankan tugas dan tanggungjawabnya mentadbir dan mengurus sumber hutan di negeri Kedah secara efektif, tenaga kerja merupakan salah satu elemen penting. Bilangan perjawatan di JPNK pada 1 Januari 2022 adalah sejumlah 337 orang. Daripada jumlah tersebut, 13 jawatan adalah untuk kumpulan pengurusan dan profesional manakala selebihnya, iaitu 324 orang adalah dari kumpulan sokongan. Setiap daerah hutan pula diletakkan dibawah tanggungjawab Pejabat Hutan Daerah yang diketuai oleh seorang Pegawai Hutan Daerah. Ia berperanan untuk menjalankan pentadbiran di peringkat daerah, termasuk kawalan pengusahasilan, kutipan hasil dan penguatkuasaan undang-undang serta menjalankan aktiviti pengurusan, pembangunan dan silvikultur.

Sumber kewangan bagi pentadbiran dan pelaksanaan program pengurusan hutan diperolehi menerusi peruntukan mengurus, pembangunan hutan, Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) dan lain-lain sumber kerajaan negeri mahupun persekutuan. Dianggarkan sejumlah RM210 juta diperlukan sepanjang tempoh RPH Kedah 2016 – 2025 bagi menjalankan aktiviti perhutanan. Sepanjang tempoh RPH ini juga, anggaran purata hasil berjumlah RM49 juta setahun dijangka dapat disumbangkan kepada kerajaan negeri melalui kutipan premium, royalti kayu kayan, permit dan lesen, ses dan caj-caj lain, membawa kepada hasil bersih negeri berjumlah RM490 juta bagi tempoh pelaksanaan RPH Kedah 2016-2025. Penjanaan sumber kekayaan baru melalui bayaran perkhidmatan ekosistem (PES) hutan juga dirancang untuk dilaksanakan sepanjang tempoh RPH ini. Antara yang berpotensi untuk diketengahkan di bawah mekanisme PES ini adalah penggunaan air masyarakat. Dianggarkan hasil sejumlah RM2,606 sebulan atau bersamaan RM31,272 setahun dapat diperolehi bagi satu saluran/ kolam air masyarakat.

## 2.0 Pengawalan

Secara amnya RPH Kedah 2016-2025 ini merupakan satu dokumen komprehensif yang bakal membantu JPNK dalam merancang, mentadbir serta mengurus hutan khususnya HSK secara teratur dan sistematik demi mencapai pengurusan hutan secara berkekalan. Beberapa langkah penambahbaikan juga telah dicadangkan di dalam dokumen ini berdasarkan kepada pencapaian RPH terdahulu. Sehubungan itu, adalah wajar dokumen ini menjadi sumber rujukan utama dan dikemaskini dari masa ke semasa dengan mengambilkira perubahan sosial, politik serta alam sekitar yang berlaku di Negeri Kedah.

## 3.0 Penutup

Kajian semula RPH ini akan dilakukan dalam tempoh sekurang-kurangnya lima (5) tahun selepas dilaksanakan dengan tujuan untuk menilai pretasi dan kemajuan kerja dari segi kewangan dan fizikal serta mengenalpasti masalah yang timbul semasa pelaksanaan di lapangan.

# Perspektif **Jabatan**



# WAWASAN

Untuk Menjadi Agensi Terunggul Dalam Pengurusan Hutan Tropika Secara Berkekalan

# MISI

Untuk Mengurus dan Membangunkan Sumber Hutan Secara Berkekalan Serta Mengoptimumkan Sumbangannya Kepada Pembangunan Sosio-Ekonomi Negara.



# Objektif

- Untuk menguruskan sumber hutan negara secara berkekalan bagi pengeluaran berterusan hasil dan perkhidmatan hutan serta penggunaannya secara optimum bersesuaian dengan keperluan alam sekitar.

- Untuk meningkatkan bekalan hasil dan perkhidmatan hutan melalui aktiviti-aktiviti perhutanan bersesuaian yang akan meningkatkan kualiti, produktiviti serta penggunaan sumber hutan.

- Untuk terus membangunkan teknologi mantap yang bersesuaian dengan keperluan alam sekitar bagi pemeliharaan, pengurusan dan penggunaan sumber hutan.

- Untuk memelihara dan melindungi kepelbagaian biologi hutan, air dan tanah serta penggunaannya secara berkekalan.

- Untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan kilang-kilang pemprosesan berasaskan keluaran hutan serta menambah aktiviti-aktiviti hiliran dengan nilai tambah yang tinggi.

- Untuk memperkukuhkan pembangunan sumber manusia bagi menyokong sektor perhutanan.

- Untuk meningkatkan kesedaran awam berhubung peranan hutan terhadap alam sekitar dan pemeliharaan melalui pembelajaran serta penyebaran maklumat.

- Untuk meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada pendapatan negara, pertukaran wang asing dan peluang-peluang pekerjaan.

# Strategi Korporat

- Mengekalkan keluasan Hutan Simpanan Kekal sedia ada dan meningkatkan keluasannya.
- Melaksanakan Kriteria, Petunjuk, Aktiviti dan Piawaian Pelaksanaan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (MC&I) dan MS ISO 9002:2008.
- Melaksanakan Rancangan Pengurusan Hutan secara intensif dan sistematik serta mewujudkan Komunikasi dan Teknologi Maklumat (ICT) perhutanan yang terkini untuk meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada hasil negeri.
- Mengurus kawasan pengeluaran, pemeliharaan dan perlindungan hutan berdasarkan kelas kegunaannya di samping menguatkuasakan undang-undang hutan yang cekap lagi berkesan.
- Menyedia pelan induk untuk memajukan hutan lipur di samping mempromosikannya sebagai destinasi pelancongan.
- Meningkatkan teknologi mesra alam dalam pengusahasilan serta penggunaan sisa-sisa hutan dan kilang selain menggalakkan pemprosesan hiliran keluaran hutan.
- Meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai peranan hutan melalui penyebaran maklumat-maklumat perhutanan.
- Menggalakkan serta menyokong program hutan tani dan aktiviti perhutanan bandar.
- Melaksanakan program pembangunan sumber manusia.
- Mengadakan kemudahan insfrastruktur yang mencukupi.

# Fungsi Jabatan

- Menasihat Pihak Berkuasa Negeri dalam pentadbiran sumber hutan untuk penghasilan pendapatan yang optimum.
- Bertindak sebagai agensi pelaksana dasar-dasar dan penguatkuasaan undang-undang perhutanan.
- Mengurus sumber hutan sejajar dengan konsep pengurusan secara berkekalan.



# Piagam Pelanggan

- Semua permohonan untuk mengeluarkan hasil-hasil hutan atau menjalankan kilang berasaskan kayu akan diproses mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- Lesen-lesen untuk mengeluarkan hasil hutan akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh kelulusan diberi, setelah semua syarat kelulusan dipatuhi.
- Lesen untuk menjalankan kilang berasaskan kayu akan dikeluarkan dalam tempoh masa tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh siap kilang dibina setelah memenuhi semua syarat kelulusan.
- Keputusan mengenai permohonan melanjutkan tempoh lesen mengeluarkan hasil hutan atau lesen menjalankan kilang berasaskan kayu akan diberi dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh permohonan diterima.
- Menghargai maklumat serta maklumbalas yang diterima dari orang awam. Semua aduan kesalahan hutan akan diambil tindakan dalam masa tidak melebihi tiga (3) hari.
- Memberi perkhidmatan yang sebaik mungkin serta layanan yang mesra setiap kali.



# Bahagian **Pentadbiran**



# Perutusan Pengarah

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Laporan Tahunan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) bagi tahun 2022 ini telah berjaya diterbitkan. Sebagaimana yang termaktub dalam Sub Seksyen 4(f) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian 1985), yang menyatakan bahawa penerbitan Laporan Tahunan adalah merupakan satu dokumentasi penting untuk rujukan pada masa hadapan. Laporan Tahunan JPNK ini mendokumentasikan pelbagai maklumat dan pencapaian serta aktiviti berkaitan perhutanan yang berlaku di sepanjang tahun 2022.



Negeri Kedah mempunyai keluasan tanah seluas 942,500 hektar dimana 36.52% keluasannya adalah merupakan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK). Sehingga Disember 2022, keluasan HSK di Negeri Kedah adalah seluas 344,175.26 hektar. Daripada keluasan keseluruhan HSK tersebut, ianya terbahagi kepada dua kategori utama hutan iaitu Hutan Perlindungan seluas 137,625.35 hektar dan Hutan Pengeluaran seluas 206,551.93 hektar. Pada 14 April 2022, Negeri Kedah telah berjaya mewartakan sebanyak 2,294.38 hektar Tanah Kerajaan untuk dijadikan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang melibatkan7 pewartaan kawasan baharu iaitu:

i. HS Merbok Tambahan seluas 323.37 hektar;

ii. HS Terenas Tambahan seluas 1,134.53 hektar;

iii. HS Rimba Teloi Tambahan seluas 590.50 hektar;

iv. HS Pulau Song Song seluas 22.30 hektar;

v. HS Jerlun seluas 185.74 hektar;

vi. HS Pulau Dayang Bunting 4.19 hektar; dan

vii. HS Pulau Bidan seluas 33.85 hektar

Pentadbiran Jabatan Perhutanan Negeri Kedah terdiri daripada Pejabat Perhutanan Negeri di Alor Setar dan terbahagi kepada empat (4) Pejabat Hutan Daerah iaitu Pejabat Hutan Daerah Kedah Utara di Jitra, Pejabat Hutan Daerah Kedah Tengah di Sungai Petani, Pejabat Hutan Daerah Kedah Selatan di Kulim dan Pejabat Hutan Daerah Kedah Barat (Langkawi).

Sehingga kini, berdasarkan rekod penjawatan sehingga 31 Disember 2022, terdapat sejumlah 12 Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Professional dan 346 kakitangan Kumpulan Pelaksana yang berkhidmat di JPNK. Jumlah jawatan sebenar yang diluluskan adalah sebanyak 416. Ini bermakna, sebanyak 70 jawatan yang masih belum diisi yang mana terdiri daripada 6 jawatan Gred G29, dan 44 jawatan Gred G19. Kekosongan tersebut adalah terdiri daripada penjawatan yang berstatus kritikal bagi Jabatan Perhutanan Negeri Kedah. Jabatan telah membuat permohonan kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi mengisi

kekosongan jawatan di jabatan ini. Ini kerana penjawatan tersebut boleh melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan hutan secara berkesan dan intensif berdasarkan Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985.

Bagi tempoh RMK-12 (2021-2025), kuota CTT bagi negeri Kedah adalah seluas 4,200 hektar setahun. Sehingga Disember 2022, kuota CTT yang telah digunakan oleh Negeri Kedah adalah 1,880 hektar. Daripada jumlah CTT ini, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah telah berjaya mengutip hasil sebanyak RM33,773,740.37 melalui kutipan hasil Premium, Royalti, Ses dan Lain-lain Fee yang dikenakan oleh Jabatan. Kutipan hasil yang tinggi ini adalah kerja keras yang ditunjukkan oleh semua warga Jabatan Perhutanan Negeri Kedah.

Selain kutipan hasil yang berjaya dikutip, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah juga telah menerima peruntukan pembangunan (P23) berjumlah RM8,100,000.00 bagi pelaksanaan kerja-kerja pembangunan hutan sepanjang tahun 2022 yang mana RM4,850,000.00 merupakan peruntukan Ecological Fiscal Transfer (EFT). Sebanyak tujuh (7) program utama telah berjaya dilaksanakan oleh JPNK merangkumi Pengurusan Sumber Hutan, Eko Pelancongan dan Hutan Lipur, Pembangunan dan Pemuliharaan Hutan Simpan, Perhutanan Sosial dan Sumber Hutan Bukan Kayu, Bangunan Pejabat, Bangunan Kuarters, Projek Pengeluaran Benih dan Operasi Risikan dan Penguatkuasaan.

JPNK juga terlibat dalam pelaksanaan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di seluruh negara di bawah RMKe-12 yang telah dilaksanakan secara serentak di seluruh negara pada 5 Januari 2021. Pelaksanaan kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan litupan hijau dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti negara kita.

Negeri Kedah telah mensasarkan sebanyak 2,750,000 pokok akan ditanam bagi tempoh 5 tahun bermula dari tahun 2021 hingga 2025 di mana dijangkakan penanaman pokok setahun bagi Negeri Kedah adalah 550,000 pokok. Pada tahun 2021, penanaman pokok diseluruh Negeri Kedah telah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 623,468 pokok telah berjaya ditanam. Bagi tahun 2022, sebanyak 933,214 pokok telah berjaya ditanam di Negeri Kedah sehingga 31 Disember 2022 menjadikan jumlah keseluruhan tanaman pokok Negeri Kedah dari tahun 2021 hingga 2022 adalah berjumlah 1,556,682 pokok.

Kejayaan ini tidak akan dapat dicapai tanpa usaha yang berterusan antara Jabatan Perhutanan Negeri Kedah bersama-sama dengan rakan strategik seperti RISDA, Felcra, Pihak Berkuasa Tempatan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Universiti Awam dan Swasta, NGO serta orang awam.

Di samping itu, sepanjang tahun 2022, terdapat sebanyak 654 aktiviti penguatkuasaan telah dilaksanakan di daerah-daerah hutan Negeri Kedah bagi membendung aktiviti- aktiviti haram di dalam HSK. Aktiviti penguatkuasaan ini dijalankan melalui pemantauan melalui rondaan dan sekatan jalanraya, *drone*, pemantauan *war room* di IPJPSM serta pemantauan bersama agensi-agensi teknikal seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Imigresen, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Pejabat Tanah dan Galian (PTG) serta agensi-agensi teknikal yang lain.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas sokongan, bantuan dan kerjasama yang diberikan oleh seluruh warga Jabatan Perhutanan Negeri Kedah kerana telah memberikan komitmen yang tinggi dalam memastikan kelancaran pentadbiran bagi mengurus sumber hutan secara berkekalan. Tahniah dan syabas atas sumbangan dan inisiatif semua pihak dalam usaha menerbitkan Laporan Tahunan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah 2022. Marilah kita semua warga kerja JPNK agar terus komited, mendukung prinsip ketelusan dan integriti dengan penuh keikhlasan, semoga segala usaha kita akan beroleh kejayaan.



**Muhamad bin Abdullah, AMK., AMP.**
**Pengarah Perhutanan Negeri**
**Kedah Darul Aman**


CARTA ORGANISASI
IBU PEJABAT
JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH
PEJABAT PENGARAH HUTAN
PENGARAH PERHUTANAN GRED 54
MUHAMAD BIN ABDULLAH
SETIAUSAHA PEJABAT GRED N29
AIMI AZIRA BINTI ABD. AZIZ
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
PEN. PENGARAH GRED N44 (PTN)
KOSONG 1
SEKSYEN PENTADBIRAN AM
PEN. PEGAWAI TADBIR GRED N32
RAHIMAH BINTI ABDUL RAHIM
PELUKIS PELAN (SENI BINA) GRED JA29
SHAHBUDIN BIN MD AKHIB
PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N22
ZUNECA BINTI RAMLI
PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19
NOR AISYAH BINTI SAIDIN
NOOR AZZAHANI BT ABDUL RAOFF
NOR SHARBANI BINTI ISMAIL
MOHD AZLAN BIN AHMAD
PEG. KHIDMAT PELANGGAN GRED N19
SAIFUDDIN ANWAR B. SHAHRIL ANUAR
PEMBANTU OPERASI GRED N14
MOHAMAD ASRUL BIN ABDUL LATIFF
PEMANDU KENDERAAN GRED H11
MUHAMMAD ZUZAIMI BIN ZANOL
MOHAMAD SYAHRUL KHAIRY BIN HASHIM
PEMBANTU OPERASI GRED N11
MOHD ZAMZURI BIN ARIFFIN
SEKSYEN SUMBER MANUSIA DAN ORGANISASI
RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G29
MOHD NOORDEEN B. SYED MOHAMED
PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N22
SITI ARMIZA BINTI MOHAMAD RAZI
PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19
ROHAIDA BT MAHMUD
PENGAWAS HUTAN GRED G19
SAFINA BINTI SALLEH
KOSONG 1
SEKSYEN KEWANGAN
PEN. AKAUNTAN GRED W29 (KUP)
MUHAMMAD SYAFIQ BIN ABDUL AZIZ
NURAIMI BINTI BAHADUN
SITI HAJAR BINTI CHE MD ISA
NOR ARIENA BINTI MOHD SHAKERI
PEMBANTU TADBIR (KEW.) GRED W22
SUZANA BINTI SAFIE
PEMBANTU TADBIR (KEW.) GRED W19
NUR ZAWANI BINTI MOHD ZAMRI
KOSONG 1
BAHAGIAN PEMBANGUNAN HUTAN
TIMBALAN PENGARAH GRED G52
ZAINUDDIN BIN JAMALUDDIN
SEKSYEN SILVIKULTUR & PERLINDUNGAN
PEN. PENGARAH GRED G44
KOSONG 1
RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G29
KOSONG 1
PENGAWAS HUTAN GRED G19
ALWI BIN ABDUL RAHMAN
KAMARUZAMAN BIN SULAIMAN
KOSONG 1
PEMANDU KENDERAAN GRED H11
MD. WAZIR BIN ZAIN
PEMBANTU AWAM GRED H11
SITI AISHAH BINTI DAUD
MOHD HUSAINI BIN HASHIM
DR AIDA SUHAIZA BINTI ABDUL RAOF
PEMBANTU AWAM GRED H11 (ONE-OFF)
RUHIL HAYATI BINTI MOHD DARUS
MOHD ZAILANI BIN MARZUKI
SEKSYEN LADANG HUTAN DAN INOVASI
PEN. PENGARAH GRED G41/G44
MUHAMMAD SAID BIN ABD. HAKIM
PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G32
KOSONG 1
RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G29
MOHD AKHIR BIN ABDUL RAZAK
PENGAWAS HUTAN GRED G19
MOHD FOAD B CHE MEE
KOSONG 1
KOSONG 2
KOSONG 3
KOSONG 4
PEMANDU KENDERAAN GRED H11
MOHAMMAD NOOR BIN SAAD
SEKSYEN PENGURUSAN HUTAN, EKO-PARK DAN HUTAN TAMAN NEGERI
PEN. PENGARAH GRED G44
RAJIHAN BIN RAHIM
RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G29
KOSONG 1
PENGAWAS HUTAN GRED G19
MOHD FIKRI BIN AZIZAN
HUSSAIN BIN HABIB
MUHAMAD SHUHAIMI BIN SAIDIN
MATURIDI BIN HASSAN
PEMANDU KENDERAAN GRED H11
MOHD SYAFRY RIZAL BIN ROSLY
PEMBANTU AWAM GRED H11/14
ZULAIKA BINTI ZULKIFLI
VIJAYAREKA A/P BALACHANDRAN
M. ASYRAF B. KAMARULZAMAN MASAOD
NURUL HUSNA BINTI CHE ROS
PEMBANTU AWAM GRED H11 (ONE-OFF)
NASRA AMIZAA BIN ZARUDDIN-18
HAMIZA BINTI SALLEH
SATMI BIN ANI
TG. RABIATUL ASMA BINTI TG. ABD. JALIL
MUNNAWAR BINTI AHMAD
PEJABAT HUTAN DAERAH
KEDAH SELATAN
PEGAWAI HUTAN DAERAH GRED G41 / G44
FADLILAH AMIRULLAH B. MOHAMED
KEDAH TENGAH
PEGAWAI HUTAN DAERAH GRED G41 / G44
NOR SHAHRINI BIN NORDIN AHMAD
KEDAH UTARA
PEGAWAI HUTAN DAERAH GRED G41 / G44
HARMAN BIN BAHARUDIN
Pegawai Persekutuan yang dipinjamkan
Diisi
Kekosongan
Penempatan (Alih/Agih)
TARIKH KEMASKINI : 01 DISEMBER 2022


BAHAGIAN OPERASI HUTAN
TIMB. PENGARAH (OPERASI HUTAN)
MOHD ASRI BIN YUSSOF
SEKSYEN KEPELBAGAIAN SUMBER HUTAN
PEN. PENGARAH GRED G41/G44
NURLIYANA AQILAH BINTI ASRI
RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G29
KOSONG 1
PENGAWAS HUTAN GRED G19
KOSONG 1
KOSONG 2
PEMBANTU AWAM GRED H11/14
NOR AZURA BINTI MAJID
MOHD AL HAFIZ BIN MOHD JAMIL
SEKSYEN HUTAN TAMAN NEGERI
PEMELIHARA HUTAN GRED G41 / G44
FATIN AFIQAH BINTI ROSLAN
SEKSYEN PENGUATKUASAAN
PEN. PENGARAH GRED G44
MOHD MUSTAKIM B. SEMAIL
RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G36
AZHAR BIN MURAD
PENGAWAS HUTAN GRED G22
MOHD FARID B. AHMAD MARZUKI
ZAIROSIMMAN MOHD. ZAIN
PENGAWAS HUTAN GRED G19
AZHA IZWAN BIN AZIZAN
KOSONG 1
KOSONG 2
KOSONG 3
KOSONG 4
PEMBANTU AWAM GRED H16
KOSONG 1
PEMANDU KENDERAAN GRED H11
ZAINUL ABIDIN BIN ABDULLAH
PEMBANTU AWAM GRED H11/14
M. HANIFAH BIN ISMAIL
ANUAR BIN MAT ZAIN
SITI NUR HUMAIRA BINTI SHAHBANI
MOHD HAFIZ BIN MOHD SHUKRI
ANNOR AZMINA BINTI ANUAR
HANIS HANANI BINTI AZMI
PEMBANTU AWAM GRED H11 (ONE-OFF)
SITI ZAITON BINTI AHADON
NORHAYATI BINTI AWANG KECHIK
M. FADZLI BIN AHMAD FADZIL
SEKSYEN KEJURUTERAAN
PEN. JURUTERA GRED J29
MUHAMMAD FIRDAUS BIN ALI MAHSE
FARID BIN MAHMUD
MOHD HANIF BIN ABDUL MALIK
RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G29
KOSONG 1
PENGAWAS HUTAN GRED G19
MOHD GHAZALI BIN MD. YUNUS
PEMANDU KENDERAAN GRED H11
KOSONG 1
SEKSYEN PERINDUSTRIAN, PENGUSAHASILAN KAYU DAN BUKAN KAYU
PEN. PENGARAH GRED G41 /G44
NURUL HANA BT. MOHD SAYUTI
RENJER HUTAN GRED G19 KUP
MUSTAFFA BAKRI BIN ABDUL MAJID
PENGAWAS HUTAN GRED G19
FADZILAH BINTI YAACOB
KOSONG 1
PEMBANTU AWAM GRED H11/14
WAN NOR YUSRI BIN YUSOFF
PEMBANTU AWAM GRED H11 (ONE-OFF)
FAUZIAH BINTI ABDUL AZIZ
SEKSYEN SIASATAN
PEMELIHARA HUTAN GRED G41 / G44
MUHAMAD FIRDAUS ZULNAIM B. JOHARI
PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G32
KOSONG 1
LANGKAWI
PEGAWAI HUTAN DAERAH GRED G41 / G44
AKRAM BIN GIMIN

## KEDAH SELATAN

**PEGAWAI HUTAN DAERAH GRED G41 / G44**
FADLILAH AMIRULLAH B. MOHAMED

**RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G32**
AHMAD WIZAM BIN DAUD

**RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G29**
ANUAR BIN ISMAIL
KOSONG 1

**PEN. PEGAWAI SENI BINA GRED JA29**
NORISAH BIN BAHRUDIN

**PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19**
NURLIA BINTI JOHARI

| PENGAWAS HUTAN GRED G22 | |
|---|---|
| ABDULLAH BIN MUTHALIB | KHAIRUN ANAS B. M. TAJUDDIN |
| MAZLAN BIN MARZUKI | MOHD SHAHRINIZAM BIN ISHAK |

| PENGAWAS HUTAN GRED G19 | |
|---|---|
| MD KHAIRUL ANUAR B. MD YUSOF | AHMAD ZAHIR BIN MANSOR |
| MD. ISA BIN BIDIN | D ANAS NOOR HAZWAN B MOHD NOOR A |
| ANUAR BIN MAHAMUD | KOSONG 1 |
| NOR ANIZA BINTI OTHMAN | KOSONG 2 |
| MAHAMAD NASRUDDIN B. MAHAMAD ARIS | KOSONG 3 |
| KHAIRUL FAZLE BIN ABU BAKAR | KOSONG 4 |
| SUHAIMI BIN MANSOR | KOSONG 5 |
| TAUFIQ ANUAR BIN TAJUDIN | KOSONG 6 |
| ZAMIZAN BINTI JUSOH | KOSONG 7 |
| MOHAMAD IZUANDY BIN MOHD SOBRI | KOSONG 8 |
| ABD HALIM BIN BAKAR | KOSONG 9 |
| ABDUL RAHMAN BIN MANSOR | KOSONG 10 |
| KOSONG 11 | |

| PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19 | |
|---|---|
| SAZRATULWIDA BINTI MD SAAD | MOHAMAD ASYRAF BIN MOHAMMAD FADZLI |

**PEMBANTU OPERASI GRED N11**
MOHAMAD ISYRAFF BIN MOHD SHABBRI

| PEMANDU KENDERAAN GRED H11 | |
|---|---|
| ROHIZAM BIN MD AMIN | MD FAUZAN BIN KASSIM |
| MOHD SHAHIR BIN MOHD DAUD | MUHAMAD SHAZWAN BIN SHAHIDI |
| MOHD NORDIN BIN YAHYA | AHMAD SHARIDAN BIN MD SALLEH |

| PEMBANTU AWAM GRED H11 | |
|---|---|
| JAMIL BIN IBRAHIM | AMIRUL AQMAR B. MOHD SOPRI |
| MOHD SUHAIMI BIN ISMAIL | M. SHAHRUL AZIZI B. MD TAJUDDIN |
| MOHAMAD NAIM BIN MOHD SHARIF | MUHAMAD NOOR ADZHA B. RAMLI |
| MOHAMAD FAIZAN BIN ISHAK | MUHAMMAD HANIS B. OTHMAN |
| AHMAD NAZRI BIN YAHAYA | MUHAMAD NAJMI B. MAT DAUD |
| MOHD SALAHUDIN BIN AYOB | M. NAIM B. ABDUL RAHMAN |
| MOHAMAD AMIRUL B. CHE DAUD | MUHAMAD ASRI B. TAJUDIN |
| MOHD HAFIFULLAH BIN WAHID | M. AMIRUL ASRAF B. JOHARI |
| MOHD AZWAN BIN ZAKARIA | NOOR HAFIZI B. MOHD NASIR |
| MOHD ZULFAHMI BIN MUHAMAD | MOHD AMIR BIN BAKAR |
| MOHD FIKRI BIN ISMAIL | ZATUL BARAKAH BT ABU HASSAN AS SH |
| MOHD AZRUL BIN CHE MAN | MOHD AMIRUL BIN AMRAN |
| AHMAD KHAIRUL ANUAR B IBRAHIM | NUR FADZILAH BINTI AZMI |
| BUDIMAN BIN ABU BAKAR | MOHD SAFYUDDIN BIN MOHD ZAMRI |
| MUHAMMAD ZAMRI BIN JOHARI | URUL AFIQAH BT MOHAMAD SHAHRINIZA |
| MOHD ZUKI BIN AHMAD @ HALIM | NUUR ATHIRAH BT YAZID |
| MOHD FARIZAL BIN DAHLAN | IRFAN HAKIMY BIN KAMARUL IZRA |
| NORLIZAN BIN ISMAIL | U MOHD SHAZRUL BIN SAIDIN @ KU SAID |
| MOHD NAZIR BIN MOHD ZAKI | KU NUR ASNAWI BIN KU BAHADOR |
| MOHD HASROL IZUAN BIN HAMID | MOHD FIRDAUS BIN AHMAD |
| MOHD TAJUDIN B. CHE HUSSEIN | NUR BAIDURI BIN HAMBALI |
| HAMZAH BIN MD NOR | NUR IJAZATI SYAFIQA BINTI SABRI |
| AHMAD NASIR BIN HALIM @ BAKAR | |

| PEMBANTU AWAM GRED H11 (ONE-OFF) | |
|---|---|
| ROSZIHAN BIN AHMAD | MOHD FAUZI BIN AZHAN |
| MOHD NASIR BIN ISMAIL | MAHADZIR BIN ZAKARIA |
| IDRUS BIN ISMAIL | MD AZHAR BIN AHMAD |
| MOHD FAIZUL BIN IBRAHIM | MOHD ISA BIN AWANG |
| MOHD ASRI BIN MD NOR | KOSONG 1 |
| MOHD HUZAIMI BIN HAMZAH | KOSONG 2 |
| MOHD MANSOR BIN SULAIMAN | KOSONG 3 |
| | KOSONG 4 |

TARIKH KEMASKINI : 01 DISEMBER 2022

## KEDAH TENGAH

**PEGAWAI HUTAN DAERAH GRED G41 / G44**
NOR SHAHRINI BIN NORDIN AHMAD

**RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G32**
AHMAD SHUFFIR BIN ZAKARIA

**RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G29**
MOHD KEFRI BIN IBRAHIM
M. KHAIRUL ANWAR BIN SAMSUDDIN

**PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19**
IZA HARYATEE BINTI MANSOR

| PENGAWAS HUTAN GRED G22 | |
|---|---|
| BADROL HISHAM BIN YAAKOB | KHAIRUL ANUAR BIN IBRAHIM |
| MOHD FARIHAN SIDQI B. ZAKARIA | ABDUL MALIK BIN ISMAIL |

| PENGAWAS HUTAN GRED G19 | |
|---|---|
| SUHISYAM BIN TALIB | YAZID BIN SHAARI |
| ROSHIZAL BIN YAAKOB | KOSONG 1 |
| ZAINULHISHAM BIN AHMAD | KOSONG 2 |
| MAT JAMELBIN MAT NOH | KOSONG 3 |
| RUSIMAN BIN MOHD. RASID | KOSONG 4 |
| IZMAN NIZAM BIN MOHAMAD | KOSONG 5 |
| MOHD ZHARIF BIN ABD RAHIM | KOSONG 6 |
| SAM MOHD FAUZI BIN SAAD | KOSONG 7 |
| MOHD FITHRAH BIN AYOB | KOSONG 8 |
| AHMAD TARMIZI BIN YAAKOB | KOSONG 9 |
| AZHAR BIN OSMAN | KOSONG 10 |
| ISMAIL BIN MD HASIN | KOSONG 11 |
| MAT SOPI BIN MOHD ISA | KOSONG 12 |

**PELUKIS PELAN (K. AWAM) / PEN. JURUTERA GRED JA19**
MUHAMMAD ARIF BIN ISHAK

| PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19 | |
|---|---|
| NURSYAZANA BIT AHMAD SHAUKI | SITI AISYAH BINTI AHMAD |

**PEMBANTU OPERASI GRED N11**
SURESH A/L LOGANATHAN

| PEMANDU KENDERAAN GRED H11 | |
|---|---|
| MOHD FUAD BIN KADIR | SHOHAIMI BIN OMAR |
| MOHD KHAIRI BIN ABD KADIR | SUHAIMI BIN ABD HAMID |
| AZAMIL BIN AZMI | MOHD REZA BIN ABDUL RAZAB |
| MOHD FIRUS BIN BIDI | |

| PEMBANTU AWAM GRED H11 | |
|---|---|
| HASRI BIN HASMI | MOHD HANIF BIN MOHAYANI |
| MAWARDI BIN HJ. AHMAD | M. AMIRUDDIN B. MOHD ZAMRE |
| ISHAK BIN SALLEH | NORSHAHIDA FARIZA BT. KUDUS |
| MIZAL BIN HAMID | MUHAMAD NAJMI B. BAKAR |
| MOHD RIYADZ BIN ZAINUN | M. SYAHERUL B. SABRI |
| M. NAZEER B. ABU HASSAN | M. KHAIRUDDIN B. ABU BAKAR |
| ZAHIR BIN MD DIAH | M. MUZAMIR BIN HALIM |
| HALMI BIN SARIP @ KHALID | AZHARE BIN AZIZAN |
| MOHD JAWAHEER B. MUSTAFFA | M. ARIF B. ABDUL RAHIM |
| IZWAN BIN IBRAHIM | MOHD FIKRIE BIN ISHAK |
| MUHAMMAD HAFIZ B. SULAIMAN | MOHD HAFIEZ AKMAL BIN ZAIROSIMMAN |
| MOHD FAUZI BIN CHE DOLLAH | MOHAMAD AKMAL SYAFIQ BIN NAJHAN |
| MOHD HAFID BIN HALIM | MUHAMMAD HAKIMI BIN HUSIN |
| MOHD DASWARI BIN DASAR | IOHD SOLAHUDDIN B MAT AKHIR @ SAAI |
| NORDIN BIN SALLEH | SITI MARDIAH MUHAMMAD HANIFAH |
| AZIZAN BIN MD NOH | SHAMSHUDIN BIN OMAR |
| ABD KARIM BIN WAHAB | MUHAMAD HAFIZ BIN JUSOH |
| MOHAMAD ZAMRI BIN ISMAIL | KOSONG 1 |
| | KOSONG 2 |

| PEMBANTU AWAM GRED H11 (ONE-OFF) | |
|---|---|
| MOHD SUHAIMI B. ABD RAHMAN | MOHAMMAD TARMIZI B. HASHIM |
| SUHARDI BIN MAT SALLEH | ISHAK BIN KASSIM |
| AZHAR BIN HUSSIN | ZAMRI BIN HANAFI |
| SOBHI BIN MAT AKHIR | ZAIDI BIN SHAABAN |
| M. LINA SAFUAN B. ABU HASSAN | SHUHARLINA BINTI SHUIB |
| AZMI BIN OTHMAN | MOHD FAUZI BIN ISMAIL |
| SHAHARUDDIN BIN BAHAROM | MUHAMMAD DANIAL BIN HJ. ISMAIL |
| ZAINI BIN MUSTAPHA | BORHAN BIN ABDUL HALIM |
| FAUZIAH BINTI MOHD YUSUF | NORAMINLIA BINTI KAMARUSEIDI |
| KAMARUL ZAMANI B. AWANG ABU | NUR HAZWANI BINTI ZAINOL |
| ROSLAN BIN HASHIM | MOHD KHAIRUL AKMAL BIN ABDUL LATIF |
| RASHIDI BIN OMAR | KOSONG 1 |

# CARTA ORGANISASI JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH

**PEJABAT PENGARAH HUTAN**

PENGARAH PERHUTANAN GRED 54
MUHAMAD BIN ABDULLAH

**PEJABAT HUTAN DAERAH**

## KEDAH UTARA

PEGAWAI HUTAN DAERAH GRED G41 / G44
HARMAN BIN BAHARUDIN

RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G32
ALIAS BIN OTHMAN

RENJER HUTAN / PEN. PEMELIHARA HUTAN GRED G29
NURUL AMIRA BINTI FADZIL
KOSONG 1

PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19
NORZITA BINTI MARZUKI

PENGAWAS HUTAN GRED G22

| | |
|---|---|
| ZUHAIRI BIN HASHIM | MOHD REDWAN BIN ARIFFIN |
| MOHD HAMKA BIN ISMAIL | |

PENGAWAS HUTAN GRED G19

| | |
|---|---|
| ANUAR BIN JAUHARI | AZIZAN BIN MAT ISA |
| AHMAD ZAHIR BIN HUSIN | M. AMIN BIN ABDULLAH |
| SHOID BIN HASSAN | KHAIRI BIN KHALID |
| AZMIN BIN ISHAK | ZAMRI BIN HASSAN |
| M. SHIFAUDDIN B. M. KHATIB | ABDUL BASIR BIN AWANG PUTEH |
| MOHD NORDIN BIN ABDUL JAMIL | KOSONG 1 |
| HASNAL BOLKIAH BIN HASSAN | KOSONG 2 |
| MOHD FIRDAUS BIN AZMI | KOSONG 3 |
| MOHAMMAD ASRI BIN SAMAT | KOSONG 4 |
| SAIFUL AZHAR BIN ABDUL RASHID | KOSONG 5 |
| ZAMZURI BIN DAUD | KOSONG 6 |
| KOSONG 7 | |

PELUKIS PELAN (K. AWAM) GRED JA19
NUR FATIN BINTI AZIZ

PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19

| | |
|---|---|
| SHATIRAH BINTI YAHYA | SITI AISHAH BT IBRAHIM |

PEMBANTU OPERASI GRED N11
MOHD AZLI BIN ABD. HAMID

PEMANDU KENDERAAN GRED H11

| | |
|---|---|
| MOHD ROFIEE BIN IBRAHIM | MOHD KAMAL HAMDEE BIN ISMAIL |
| MOHAMAD ZAKRI BIN DOON | KOSONG 1 |

PEMBANTU AWAM GRED H11

| | |
|---|---|
| ABDUL SAMAD BIN ARIFFIN | KAMARULIZRA BIN KAMARUDDIN |
| RASIDI BIN BIDING | MOHD KHAIRUL AFNAN BIN ISMAIL |
| M. HASSHIMI BIN ZAINON | NUR NAZIELA BINTI MOHAMAD ZUKI |
| HANIZAN BIN AROP @ HASSAN | FATHI KAMIL BIN TUAN ISMAIL |
| MUHAMMAD ZAHER BIN ZAINOL | MOHD KAMARUDIN B ABDULLAH |
| WAN ABDUL AZIZ BIN MOHD ZAIN | MD ZAMRI BIN SALLEH |
| | KOSONG 1 |

PEMBANTU AWAM GRED H11 (ONE-OFF)

| | |
|---|---|
| KU NORDIN BIN KU HAMID | ZURINA BINTI OMAR |
| AHMAD NAZRI BIN BAKAR | ANUAR BIN HASSAN |
| RUSLAN BIN ISMAIL ZAINOL | MOHD FAUZI BIN GHANI |
| JAMEL BIN ABU HASSAN | A'SERI BIN OSMAN |
| KU MOHD AZAHARI BIN KU YAACOB | FUZIAH BINTI MD ZAIN |
| AHMAD TAUFIK BIN ELIAS | MOHD ZAHIR BIN ABDULLAH |
